

# inSPIRED

[richworks.com/inspired](http://richworks.com/inspired)

**BUSINESS  
TALK**

**5** CARA KEMBALI  
TERSENYUM DAN  
BERSEMANGAT



# DR. ROHAIZU ROSLAN

BUKAN SEKADAR  
PERSONAL SHOPPER BIASA

**RICHWORKS™**  
Di Sini Lahirnya  
Usahawan Jutawan

# BERMULA SECARA SUKA-SUKA, KINI MENJADI KERJAYA

Daripada niat sekadar mahu cuba-cuba, tiba-tiba jadi serius pula! Begitulah perjalanan karier Dr. Rohaizu Roslan yang merupakan pengasas R&R Authentics Sdn. Bhd. dalam bidang keusahawanan sebagai seorang pembeli peribadi (*personal shopper*).

Pada awalnya beliau hanya menjalankan perniagaan ini secara sambilan sementara menunggu pekerjaan tetap setelah menamatkan pengajian.

Namun, selepas melihat perkembangan dalam bisnes yang dijalankan, beliau mengambil keputusan untuk memberi 100% fokus terhadapnya.

“Nak cakap kerana minat, tak adalah sangat. Tapi, bila kita sudah ‘terjebak’, kita akan mula memberi sepenuh tumpuan kepadanya. Makin lama kita jadi makin sibuk pula.

“Ini mungkin disebabkan doa ibu saya kerana dalam adik-beradik, sayalah yang paling jarang ada di rumah. Jadi, lepas habis belajar, saya fikir kalau boleh saya mahu duduk di Melaka iaitu kampung halaman saya.

“Waktu itu fikir ‘konon-konon’ nak buat

bisnes ini dalam tempoh dua bulan saja.

Tapi, tak sangka pula dapat bertahan sampai sekarang. Alhamdulillah atas rezeki yang telah dikurniakan ini,” ujarnya yang menerima ijazah kedoktoran (PhD) dalam bidang Sains, Teknologi Gentian Nano dan Selulosa Nano daripada Universiti Sains Malaysia.

## TAK MAHU USAHANYA TERHENTI

Berkongsi kisah pembabitannya sebagai seorang *personal shopper*, beliau pada awalnya hanya membuat tempahan untuk diri sendiri, ahli keluarga dan rakan-rakannya bagi menjimatkan kos penghantaran dari Amerika Syarikat (AS) sebelum menjadikannya sebagai kerjaya tetap dalam hidupnya.

“Seperti yang sedia maklum, ada banyak jualan harga runtuh yang diadakan bermula seawal pada bulan



September di AS. Disebabkan nak jimat caj penghantaran, jadi kita ambillah tempahan secara beramai-ramai.

"Bila sudah mula ambil tempahan, ia menjadi makin 'merebak' pula kepada circle yang lebih besar hingga adanya pelanggan tetap. Tambahan pula, di AS selalu ada jual murah. Jadi, kita boleh selalu lakukan promosi harga.

"Apabila sudah ada *repeat customer*, takkanlah kita nak berhenti pula bukan? So, saya fikir yang saya harus meneruskannya," jelasnya.

Memfokuskan kepada jualan pakaian, Dr. Rohaizu berkolaborasi bersama adiknya dalam mengusahakan bisnes ini pada tahun 2017 secara talian di mana beliau menguruskan bahagian operasi manakala adiknya pula bertanggungjawab untuk bahagian pemasaran.

Bangga dengan pencapaian yang diraih, beliau bagaimanapun kemudian



berdepan dengan masalah apabila tempahan masuk dengan begitu banyak namun kekurangan tenaga kerja untuk menguruskannya.

"Waktu itu kita berasa takut untuk mengambil staf. Jualan banyak, tapi saya kena kerja sendirian 24 jam. Rasa penat sangat tapi tak tahu bagaimana nak uruskan perniagaan.

"Apabila musim Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) melanda, saya lihat waktu itu jenama Mamasab sedang *trending* dan kawan saya juga menjadi salah seorang ejennya.

"Saya tengok perkembangan dia melakukan bisnes. Macam relaks je tapi boleh buat bisnes jutaan ringgit. Bila saya hadiri kelas online RichWorks, barulah saya tahu rupa-rupanya jenama Mamasab belajar dengan RichWorks.

"Selepas itu, saya pun hadiri program Intensif Magnet Kekayaan & Kejayaan (IMKK) pada tahun 2019. Waktu itulah saya lebih mengenali RichWorks dan serta pelbagai lagi program yang dianjurkan sebelum menyertai program pementoran Elite X dan Spire hingga ke hari ini," jelasnya mengimbau kembali detik permulaannya bersama RichWorks.

## MAHU KEBEBASAN MASA

Menerusi program pementoran Spire, banyak perkara baharu yang beliau pelajari bagi memantapkan bisnes yang diusahakan sekaligus dapat mengatasi masalah-masalah yang dihadapi sebelum ini.

"Waktu itu perkara yang paling saya nak tahu sangat adalah bagaimana kita nak uruskan perniagaan tanpa perlu berasa terlalu penat seperti sebelum ini."

"Selain itu, saya turut belajar cara untuk uruskan kos, cukai, duit dan juga aspek kepimpinan."

"Sebelum ini staf hanya datang dan buat kerja. Tapi, saya tak ada buatkan *journey* untuk mereka boleh berkembang lagi bersama syarikat saya."

"Di samping itu, saya pernah ada *mindset* yang bisnes saya ini hanya sekadar peringkat 'okey' sahaja, tidak boleh pergi jauh selain pandangan daripada orang lain yang merasakan *personal shopper* tak

perlukan pejabat."

"Tapi kini, kita sudah dapat lihat ke mana hala tuju bisnes dan bagaimana ia boleh berkembang lebih jauh lagi selepas ini," tuturnya.

## PS BUKAN SEKADAR MEMBELI

Berkongsi kisahnya sebagai seorang *personal shopper*, ramai pastinya yang menganggap tugasnya ini sangat senang kerana hanya perlu ambil tempahan saja daripada para pelanggan. Namun, realitinya tidaklah semudah yang disangka.

"Bila masuk musim jualan runtuh akhir tahun seperti *Black Friday*, ada kalanya kita terpaksa tutup tempahan kerana terlalu banyak permintaan."

"Ada pelanggan yang mempersoalkan kenapa tak boleh? Bukan ke hanya perlu buat bayaran sahaja?"

"Memang pada waktu itu sukar untuk diterangkan kepada mereka sebab proses





ini agak rumit kerana melibatkan urusan dua negara berbeza yang semestinya merangkumi pelbagai aspek termasuklah polisi, larangan dan sebagainya. Kadang-kadang, ada barang yang sampai dekat Kastam pun tidak lepas.

"Ramai pelanggan yang nak dapatkan barang edisi terhad yang ditawarkan. Oleh itu, kami mahu membantu mereka untuk dapatkan apa yang diinginkan."

Jadi, kami sedaya upaya berusaha mahu memberikan pengalaman terbaik apabila berurusan dengan kami," kongsinya lagi.

### **UJIAN AKAUN IG DISEKAT**

Bukan hanya cabaran bersama pelanggan, beliau juga turut berdepan dengan rintangan tidak diduga baru-baru ini apabila akaun Instagram perniagaannya disejaket kewujudannya di laman sosial tersebut.

"Bukan satu, tapi dua akaun bisnes kami disejaket di Instagram. Ujian itu memang berat kerana platform tersebut merupakan antara sumber rezeki kami.


"Walau bagaimanapun, kami tidak mengalah dengan situasi ini dan berusaha untuk hubungi semula semua pelanggan yang ada dalam data simpanan kami.

"Saya rasa bersyukur juga sebab kita sudah belajar dengan RichWorks tentang kepentingan database ini jadi kami dapat bersedia dengan lebih awal walaupun mengambil masa. Insya-Allah, pasti ada hikmahnya buat kami," tambahnya.

Bercerita tentang impian di masa hadapan, Dr. Rohaizu berharap agar dapat membuka butiknya sendiri di Melaka suatu hari nanti.


"Insya-Allah, mudah-mudahan hasrat ini akan dapat direalisasikan nanti. Selain itu, saya juga berharap agar dapat membina lebih ramai lagi *key leaders* dalam syarikat yang diusahakan," luah wanita kental ini.

Jika anda ingin mengetahui lebih lanjut lagi mengenai bisnes beliau, layari Instagram @baby.authentic\_ untuk mendapatkan info tentangnya.





## PESANAN



1

### PERNIAGAAN PERLUKAN ILMU

“Tahap pendapatan kita bergantung kepada ilmu yang dimiliki. Sebelum ini bisnes saya di tahap yang sama je dan saya tak tahu bagaimana untuk berkembang lebih lagi.

“Kini, alhamdulillah kita sudah dapat besarkan lagi syarikat ini bila sudah raih ilmu yang sewajarnya,” kongsi Dr. Rohaizu.

2

### USAHAWAN PERLU ADA IMPIAN

“Setiap apa yang kita buat, bila kita rasa sudah sampai di tahap tertentu, kita tidak akan cuba untuk pecahkan tembok untuk ke peringkat seterusnya.

“Tapi, bila kita ada misi, kita akan cari juga jalan untuk melakukannya. Sukar macam mana sekalipun kita akan buat juga sampai jadi,” katanya.

3

### HARGAI APA YANG DIMILIKI

“Kita harus sentiasa bermuhasabah diri kerana apa yang dimiliki bukanlah disebabkan usaha kita semata-mata. Kadang-kadang, kita kena lihat sekeliling juga kerana mungkin keberkatan itu datang daripada insan-insan terdekat seperti keluarga, rakan dan staf.

“Apa yang saya capai sekarang ini bukanlah sebab usaha saya seorang diri. Jadi, kita kena hargai setiap orang yang hadir dalam hidup ini,” ujarnya menutup bicara.

# BUSINESS TALK



# 5 CARA KEMBALI TERSENYUM & BERSEMANGAT

**Kerja sedang banyak, tapi rasa tak ada mood. Nak senyum dengan pelanggan pun rasa terpaksa. Nak balas WhatsApp pun tolak telefon ke tepi.**

**Bila ditimpa kesusahan, kita kena cuba keluarkan dari cabaran tersebut. Ya, kita sendiri. Bukan orang lain.**

**Jangan risau. Kalau anda rasa sedih cuba buat perkara ini untuk rasa ceria dan bahagia.**

## 1 UBAH MINDSET

Minda yang positif akan menjadikan kita seorang yang gembira dan bahagia. Jadi, perkara pertama yang perlu anda lakukan apabila bangun tidur ialah set mindset anda untuk perkara-perkara yang positif.

Setiap kali bangun tidur, katakan pada diri, "Hari ini hari terbaik aku. Aku ingin senyum dan bahagia sepanjang hari. Aku tak mahu sedih".

## 2 BERSYUKUR

Bersyukur menyebabkan otak merembeskan dopamine, bahan kimia otak yang membuatkan kita rasa bahagia.

Selain itu, bersyukur mengaktifkan dua bahagian otak yang terlibat dalam memproses emosi, hubungan interpersonal, kepuasan dalam interaksi sosial, pertimbangan moral dan kemampuan memahami keadaan mental seseorang.

## 3 Manjakan diri

Luangkan sedikit masa untuk memanjakan diri. Anda boleh ke spa, mengurut, membeli-belah, mencuba makanan di kafe-kafe baru dan macam-macam lagi. Kalau nak lagi seronok, anda bolehlah merancang percutian impian tidak kiralah di dalam atau luar negara.

Rehat di rumah, masak makanan kegemaran, layan Netflix atau rancangan kesukaan juga boleh membantu anda untuk kekal ceria dan gembira.

## 4 Hubungi insan tersayang

Mungkin hari ini macam tak ada mood nak buat kerja di pejabat.

Tidak mengapa, anda boleh ambil masa sekejap dengan hubungi insan tersayang. Bila dengar kata-kata positif seperti "*I love you, you are the best*", perkara itu boleh membuatkan anda kembali gembira dan bersemangat menjalani kehidupan yang dimiliki.



## 5

### Mengingati Allah SWT

Sistem saraf, jantung dan semua bahagian tubuh bertindak balas terhadap apa yang kita fikirkan. Keresahan dalam benak fikiran akan mewujudkan tekanan dan menjelaskan kesihatan.

Justeru itu, mengingati Allah SWT sepanjang masa dapat membantu mengubah diri. Sekiranya kita melakukannya secara konsisten, kita akan sentiasa merasa dilindungi dan dikasihi.

Pada akhirnya, ia mewujudkan kedamaian dan ketenangan yang dapat membantu mengawal tekanan dan keresahan yang dialami.

Bangsa usahawan perlu selalu ada *high energy* dan kekal positif sepanjang masa. Jangan selalu sangat berduka cita, kalau tidak macam mana nak capai cita-cita?

Anjuran Bersama

RICHWORKS®  
ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

media prima

*Ayuh Usahawan JOHOR,  
KUASAI Pemasaran,  
Luaskan Perniagaanmu!*

Bersama  
DATUK WIRA  
**DR. AZIZAN  
OSMAN**



**10X** SME  
BINA  
BISNES  
BERJAYA 2023



25–26 NOVEMBER 2023 | KSL RESORT  
JOHOR BAHRU CITY CENTRE

*Daftar Sekarang. Seat Terhad!*

#RoadTo1stMillion

[binabisnesberjaya.com](http://binabisnesberjaya.com)

# EKSKLUSIF! **GERAN BIMBINGAN PERNIAGAAN BERNILAI RM3 JUTA**

D A L A M

## ***Klinik Usahawan*** **SIRI *BINA BISNES* *BERJAYA***

Sesi Transformasi Perniagaan  
untuk Usahawan SME



DATUK WIRA  
DR AZIZAN OSMAN  
Mentor Usahawan Jutawan



**Buku Untuk Usahawan  
Bakal Jutawan!**

**+  
Sesi Penilaian Perniagaan  
Anda berharga **RM497****

**100% PERCUMA**

DITAJA OLEH RICHWORKS

Mohon di: [richworks.com/satujutapertama](http://richworks.com/satujutapertama)



ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

**PENAFIAN:** Nasihat yang diberikan dalam majalah ini merupakan nasihat secara am.

Ia disediakan tanpa mengambil kira objektif, situasi kewangan atau keperluan anda. Sebelum melakukan tindakan, anda perlu menilai kesesuaian nasihat diberikan mengikut situasi & keperluan masing-masing.